

# SBM UUM MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI TAN SRI Pengerusi DAN PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI FAMA

COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan

Tue 03/10/2017 5:40 PM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc:Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah <hilman@uum.edu.my>; Abdul Shakur Bin Abdullah <shakur@uum.edu.my>;

Importance: High



**Pusat Pengajian Pengurusan  
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

**Universiti Utara Malaysia**

**3 OCTOBER 2017 | 12 MUHARRAM 1439H**

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera,

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**SBM UUM MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI TAN SRI Pengerusi DAN PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI FAMA**



**SBM ONLINE:** Pusat Pengajian Perniagaan (SBM) telah menerima kunjungan hormat dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada 1 Oktober 2017 (Ahad) yang diketuai oleh Pengerusinya, Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amiruldin dan diiringi tiga orang Timbalan

Pengarah, Pengarah Negeri serta beberapa orang pegawai atasan kanan FAMA. Lawatan ini adalah sebagai kunjungan balas pihak FAMA ke SBM yang mana sebelum ini telah memberi kunjungan hormat di Ibu Pejabat FAMA Selayang, Selangor. Kunjungan ini adalah bagi mewujudkan kerjasama yang erat di antara kedua-dua belah pihak SBM dan FAMA.

Kunjungan FAMA disambut oleh Timbalan Dekan SBM, Prof. Madya Dr Fais Ahmad, Pensyarah-pensyarah SBM iaitu Prof Madya Dr Kamal, Tuan Haji Juha, Dr. Bidayatul Akmal, Prof Madya Dr Hasnizam dan Puan Rasidah, Pengarah Anjung Tamu UUM. Tan Sri Dato' Paduka Haji turut Badruddin diiring ke Balai Tamu Canselor untuk bertemu dan berbicara santai dengan Naib Canselor UUM, Dato' Sri Mustafa Ishak sebagai tanda kunjungan hormat ke UUM sebelum meneruskan sesi lawatan ke SBM.

Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin turut berbesar hati untuk berdiskusi dengan para pensyarah, staf dan pelajar SBM dalam sesi CEO Talk di Bilik Kedah SBM. Kunjungan ini juga mencapai beberapa kata sepakat untuk menjadikan SBM salah satu hub perniagaan FAMA melalui peningkatan ahli MyAgrosis di UUM, di samping beberapa kerjasama dalam kajian, latihan dan konsultansi. Tan Sri Dato Paduka Haji Badruddin turut berpuas hati dengan maklumbalas daripada pelajar SBM yang berminat dengan perniagaan dan sudi untuk membuka peluang yang lebih banyak di SBM melalui Pasar Tani, Ladang Kontrak, K-Shoppe dan Karavan Tani.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.